

Masalah obesiti dalam kalangan pelajar sekolah tidak harus dipandang ringan kerana hal ini akan mempengaruhi pertumbuhan kanak-kanak.

Lihat poster di bawah ini dengan telitinya. Kemudian tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan. Lengkapkan contoh jawapan dengan kata yang sesuai. **SP 3.6.2**

(KBAT) Menganalisis; Mencipta

[15 markah]



pembukaan

murah

ibu bapa

menyediakan

pemasaran

pelajar

pemakanan

makanan

Dewasa ini, masalah obesiti dalam kalangan penduduk di Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Dalam masa yang sama, timbul pula isu obesiti dalam kalangan (1) _____ sekolah. Antara faktor yang menyumbang kepada masalah ini termasuklah tiadanya pemantauan dari segi (2) _____ terhadap anak-anak. Selain itu, industri (3) _____ turut menjadikan kanak-kanak sebagai sasaran (4) _____ tanpa mempedulikan akibatnya terhadap mereka. Selain itu, kadar (5) _____ restoran makanan segera begitu pesat di Malaysia. Restoran sebegini menawarkan harga makanan yang (6) _____ serta khidmat penghantaran makanan terus ke pintu rumah. Menerusi kemudahan yang disediakan itu sebahagian (7) _____ terdorong untuk bersikap lepas tangan dalam (8) _____ makanan anak-anak mereka. Tuntasnya, ibu bapa perlu bijak mengurus kerjaya mereka bagi memastikan kesihatan anak-anak terpelihara.

[____ patah perkataan]